

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN SIVIL)

GUAMAN NO. - - - /2019

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

PLAINTIF

DAN

- 1. NATIONAL FEEDLOT CORPORATION SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 756757-K)**
- 2. MOHAMAD SALLEH BIN ISMAIL
(NO. K/P: 480513-03-5379)**
- 3. WAN SHAHINUR IZLAN BIN MOHAMAD SALLEH
(NO. K/P: 841101-14-5011)**
- 4. WAN SHAHINUR IZMIR BIN MOHAMAD SALLEH
(NO. K/P: 800509-14-5321)**
- 5. WAN IZZANA FATIMAH ZABEDAH BINTI MOHAMAD SALLEH
(NO. K/P: 861231-14-5034)**
- 6. NATIONAL MEAT & LIVESTOCK CORPORATION SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 708347-T)**
- 7. REAL FOOD COMPANY SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 705419-K)**
- 8. MEATWORKS CORPORATION SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 883023-W)**
- 9. AGROSCIENCE INDUSTRIES SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 683230-K)**
- 10. ASIAN BIOSCIENCE CORPORATION SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 488949-T)**
- 11. TECHKNOWLOGY IMAGEWARE (MALAYSIA) SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 231627-H)**

**DEFENDAN-
DEFENDAN**

PERNYATAAN TUNTUTAN

A. PIHAK-PIHAK

1. Plaintif adalah Kerajaan Malaysia.

2. Defendan Pertama adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dengan alamat berdaftar di No. 5, Jalan 45/26, Taman Sri Rampai, Kuala Lumpur 53300 Wilayah Persekutuan.

3. Defendan-defendan Kedua hingga Kelima adalah warganegara-warganegara Malaysia yang sudah cukup umur dengan alamat terakhir yang diketahui di No. 10, Jalan Setiakasih 1, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

4. Pada setiap masa material, Defendan-defendan Kedua hingga Kelima adalah pengarah-pengarah Defendan Pertama. Defendan Kedua adalah pada masa material Pengerusi lembaga pengarah Defendan Pertama dan Defendan Ketiga adalah Ketua Pegawai Eksekutifnya. Defendan Kedua adalah bapa kepada Defendan-defendan Ketiga, Keempat dan Kelima. Kecuali yang dinyatakan sebaliknya, Defendan-defendan Kedua hingga Kelima adalah secara kolektifnya dirujuk di sini sebagai "**Keluarga Salleh**".

5. Defendan-defendan Keenam hingga Kesebelas adalah syarikat-syarikat sendirian berhad yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia. Mereka

mempunyai alamat berdaftar yang sama – 15-B, Aras 2, Bangunan Sultan, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur, 59200 Wilayah Persekutuan.

6. Pada setiap masa material, salah satu atau lebih daripada ahli Keluarga Salleh adalah pengarah-pengarah Defendan-defendan Keenam hingga Kesebelas. Keluarga Salleh juga secara langsung atau tidak langsung memegang kesemua atau majoriti saham dalam Defendan-defendan Keenam hingga Kesebelas dan syarikat-syarikat berikut:

- (a) Meatworks (Singapore) Pte Ltd;
- (b) Global Biofuture Pte Ltd;
- (c) Farmhouse Supermarkets Pte Ltd;
- (d) Icube Investments Pte Ltd;
- (e) Agronium Sdn Bhd;
- (f) MLC Meat & Livestock Corporation Sdn Bhd;
- (g) Cilix Iris JV Sdn Bhd;
- (h) Global Biofuture Sdn Bhd;

- (i) Agro Biotech Consultancy Sdn Bhd;
- (j) Global Icube Properties Sdn Bhd;
- (k) Mega Tech Engineering & Trading Sdn Bhd;
- (l) Asian Bioenergy Industries Sdn Bhd; dan
- (m) Asian Bioscience Corporation LLC.

7. Syarikat-syarikat yang dinyatakan dalam Perenggan-perenggan 6(a) hingga (l) di atas telah dibubarkan atau telah dipotong daripada daftar. Kecuali dinyatakan sebaliknya, Defendan-defendan Pertama, Keenam hingga Kesebelas dan syarikat-syarikat yang dinyatakan dalam Perenggan-perenggan 6(a) hingga (m) di atas adalah secara kolektifnya dirujuk di sini sebagai “**Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh**”.

8. Kerajaan Malaysia akan menegaskan bahawa disebabkan kawalan dan pemilikan mereka, Keluarga Salleh adalah pada setiap masa material pihak yang mengawal (*directing mind*) atau *alter ego* Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh tersebut.

B. LATAR BELAKANG

Pinjaman

9. Atas permintaan Defendan Pertama, Kerajaan Malaysia, menurut satu Perjanjian Kemudahan Pinjaman bertarikh 6.12.2007 yang dimasuki dengan Defendan Pertama ("**Perjanjian Kemudahan**"), telah memberi Defendan Pertama satu pinjaman sebanyak RM250 juta ("**Pinjaman**") untuk membiayai sebahagian kos-kos penubuhan dan pengendalian satu Pusat Fidlot Nasional di Gemas, Negeri Sembilan ("**Projek**").

10. Perjanjian Kemudahan tersebut secara nyatanya memperuntukkan antara lain:

- (a) Defendan Pertama berakujanji untuk menubuhkan dan melaksanakan Projek tersebut;
- (b) Tujuan Pinjaman tersebut adalah untuk membiayai sebahagian penubuhan dan pengendalian Projek tersebut, selaras dengan polisi Kerajaan Malaysia untuk membangunkan, memajukan dan memupuk pengeluaran daging lembu dan produk-produk daging lembu melalui satu Pusat Fidlot Nasional untuk fidlot lembu ternakan komersial dan bersepadu ("**Tujuan Pinjaman**");

- (c) Faedah adalah dikenakan pada kadar 2% setahun dikira atas dasar kiraan harian ke atas jumlah pinjaman yang digunakan, yang perlu dibayar dalam Tempoh Pembayaran Balik (seperti yang ditafsirkan di bawah);
- (d) Pengeluaran dan pembayaran balik Pinjaman tersebut hendaklah dibuat melalui satu Akaun Pinjaman Khas ("APK") yang dibuka oleh Defendan Pertama;
- (e) Pengeluaran wang-wang pinjaman daripada APK tersebut hanya boleh dibuat selepas Defendan Pertama mengemukakan kepada Kerajaan Malaysia satu Notis Pengeluaran Pinjaman (dalam format yang ditetapkan dalam Jadual Kelima kepada Perjanjian Kemudahan tersebut) bersama dengan satu Laporan Kemajuan Projek yang disahkan oleh Pegawai Teknikal Berkuasa;
- (f) Sebarang pengeluaran daripada APK tersebut memerlukan tandatangan seorang penandatangan yang diberi kuasa bagi pihak Defendan Pertama dan seorang penandatangan yang diberi kuasa bagi pihak Kerajaan Malaysia;
- (g) Tempoh Pinjaman tersebut adalah 20 tahun, yang terdiri daripada:

- (i) satu tempoh tangguh selama 3 tahun bermula dari tarikh pengeluaran pertama Pinjaman tersebut ("**Tempoh Tangguh**") di mana sepanjang tempoh tersebut tiada faedah atau pembayaran-pembayaran prinsipal perlu dibuat; dan
 - (ii) satu tempoh pembayaran balik selama 17 tahun bermula dari hari pertama selepas penamatan Tempoh Tangguh tersebut ("**Tempoh Pembayaran Balik**").
- (h) Pinjaman tersebut dan faedah hendaklah dibayar dalam Tempoh Pembayaran Balik tersebut secara ansuran-ansuran tahunan, menurut jadual pembayaran balik yang dibekalkan oleh Kerajaan Malaysia;
- (i) Sekiranya Defendan Pertama ingkar dalam pembayaran balik, faedah ingkar pada kadar 2% setahun perlu dibayar dari tarikh keingkaran sehingga tarikh pembayaran;
- (j) Sekiranya mana-mana bahagian Pinjaman tersebut digunakan untuk membeli hartanah, Defendan Pertama akan mewujudkan satu gadaian atau penyerahhakan ke

atas hartanah tersebut memihak kepada Kerajaan Malaysia;

(k) Defendan Pertama berjanji kepada Kerajaan Malaysia bahawa selagi Pinjaman tersebut tidak dibayar balik sepenuhnya, Defendan Pertama akan melaksanakan obligasi-obligasinya di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut dengan sewajarnya dan menggunakan Pinjaman tersebut bagi Tujuan Pinjaman tersebut. Defendan Pertama juga akan membekalkan Kerajaan Malaysia dan di mana diperuntukkan, Pegawai Teknikal Berkuasa tersebut:

- (i) Penyata-penyata kewangan dan penyata-penyata pelaburan suku tahunannya;
- (ii) Laporan Kemajuan Projek suku tahunan mengenai operasi-operasi dan aktiviti-aktiviti Projek tersebut;
- (iii) Akaun-akaun beraudit tahunannya, dalam tempoh 6 bulan dari akhir setiap tahun kewangan; dan
- (iv) Satu rancangan perniagaan 5 tahun dan tahunan.

- (l) Sekiranya Defendan Pertama gagal untuk antara lain:
- (i) membayar apa-apa jumlah yang tertunggak di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut dalam Tempoh Pembayaran Balik tersebut;
 - (ii) mematuhi atau melaksanakan mana-mana obligasi, akujanji atau perjanjiannya di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut,

dan pelanggaran tersebut tidak diremedikan dalam tempoh 90 hari dari tarikh penerimaan notis bertulis untuk meremedikan pelanggaran tersebut, Kerajaan Malaysia adalah berhak untuk membatalkan Pinjaman tersebut dan menuntut pembayaran balik serta-merta kesemua jumlah yang tertunggak dan perlu dibayar di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut.

Sekuriti

11. Pinjaman tersebut adalah disandarkan oleh:
- (a) Satu Debentur bertarikh 6.12.2007 ("**Debentur**") yang diwujudkan oleh Defendan Pertama ke atas aset-aset mereka memihak kepada Kerajaan Malaysia; dan

- (b) Satu Surat Ikatan Penyerahhakan bertarikh 6.12.2017 ke atas APK tersebut ("**Surat Ikatan Penyerahhakan**") yang dilaksanakan oleh Defendan Pertama memihak kepada Kerajaan Malaysia.

12. Di bawah Surat Ikatan Penyerahhakan tersebut, Defendan Pertama menyerahhakan kepada Kerajaan Malaysia kesemua wang dalam APK tersebut.

13. Surat Ikatan Penyerahhakan tersebut secara nyatanya memperuntukkan antara lain:

- (a) Defendan Pertama akan membayar atau menyebabkan pembayaran ke dalam APK tersebut jumlah-jumlah berikut:

- (i) Semua hasil atau jumlah yang diterima oleh Defendan Pertama di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut;
- (ii) Sebarang faedah yang diperolehi oleh Defendan Pertama melalui perletakan wang ke dalam pasaran wang;

- (iii) Semua hasil dan wang yang diterima oleh Defendan Pertama berhubungan dengan Projek tersebut.

- (b) Defendan Pertama adalah dibenarkan untuk mengeluarkan wang daripada APK tersebut pada bila-bila masa yang dianggap sesuai atau perlu oleh Kerajaan Malaysia menurut terma-terma dan prosedur yang diperuntukkan dalam Perjanjian Kemudahan tersebut;

- (c) Defendan Pertama akan membekalkan kepada Kerajaan Malaysia dan di mana yang diperuntukkan, Pegawai Teknikal Berkuasa tersebut:
 - (i) Penyata-penyata kewangan dan penyata-penyata pelaburan suku tahunannya;
 - (ii) Laporan Kemajuan Projek suku tahunan mengenai operasi-operasi dan aktiviti-aktiviti Projek tersebut;
 - (iii) Akaun-akaun beraudit tahunannya, dalam tempoh 6 bulan dari akhir setiap tahun kewangan; dan
 - (iv) Satu rancangan perniagaan 5 tahun dan tahunan.

- (d) Sekiranya satu Peristiwa Keingkar berlaku di bawah Klausa 14.1 Perjanjian Kemudahan tersebut, Kerajaan Malaysia mempunyai hak untuk menggunakan kesemua atau sebahagian wang yang berada dalam APK tersebut untuk menjelaskan jumlah yang tertunggak di bawah kemudahan Pinjaman tersebut.

Pengeluaran Pinjaman

14. Pada atau sekitar 10.12.2007, Defendan Pertama telah membuka APK tersebut dengan Malayan Banking Berhad, cawangan Shah Alam (No. Akaun: 562106220484).

15. Atas permintaan Defendan Pertama, Kerajaan Malaysia mengeluarkan Pinjaman tersebut dengan sepenuhnya ke dalam APK tersebut dalam 3 bahagian berasingan antara Januari 2008 dan Mac 2009:

Tarikh	Jumlah dikeluarkan (RM)
9.1.2008	70,000,000
14.10.2008	60,000,000
31.3.2009	120,000,000
Jumlah:	250,000,000

Pengeluaran-pengeluaran daripada APK tersebut

16. Melalui surat-surat Defendan Pertama bertarikh 17.1.2008, 8.4.2008, 25.4.2008, 16.6.2008, 23.6.2008, 10.2.2009, 11.2.2009, 29.6.2010, 21.9.2010 dan 21.12.2010 kepada Kerajaan Malaysia dan yang ditandatangani oleh Defendan-defendan Kedua dan Ketiga, Defendan-defendan Pertama, Kedua dan Ketiga meminta kebenaran untuk mengeluarkan wang-wang pinjaman daripada APK tersebut. Dalam surat-surat tersebut, Defendan-defendan Pertama, Kedua dan Ketiga telah merepresentasikan bahawa tujuan pengeluaran-pengeluaran tersebut adalah untuk membiayai kos-kos pelaksanaan Projek tersebut.

17. Dalam niat baik dan bergantung kepada kebenaran representasi-representasi Defendan-defendan Pertama, Kedua dan Ketiga, Kerajaan Malaysia telah meluluskan pengeluaran-pengeluaran berjumlah sebanyak RM180,513,247.54 (“**RM180.5 juta**”) daripada APK tersebut antara 24.1.2008 dan 3.1.2011:

Tarikh	Jumlah (RM)
24.1.2008	7,000,000
15.4.2008	1,775,596.54
29.5.2008	599,789.25
25.6.2008	29,845,913
22.9.2008	30,778,297.75
23.2.2009	53,883,500

Tarikh	Jumlah (RM)
23.2.2009	10,840,000
25.8.2010	600,000
1.10.2010	5,607,546
3.1.2011	39,582,605
Jumlah:	180,513,247.54

18. Daripada jumlah RM180.5 juta yang dikeluarkan oleh Defendan Pertama daripada APK tersebut, hanya jumlah agregat sebanyak RM8,322,642.54 telah dibayar secara langsung kepada pelbagai pihak ketiga untuk membiayai kos-kos untuk melaksanakan Projek tersebut. Jumlah baki sebanyak RM172,190,605 ("**RM172.2 juta**") telah dibayar ke dalam akaun-akaun operasi Defendan Pertama dengan Malayan Banking Berhad, cawangan Wisma Sime Darby (No. Akaun: 564294105295) ("**Akaun MBB**") dan CIMB Bank Berhad, cawangan Taman Tun Dr. Ismail (No. Akaun: 1416000066107) ("**Akaun CIMB**").

19. Pada setiap masa material, Akaun MBB dan Akaun CIMB tersebut adalah dikawal secara sepenuhnya dan eksklusifnya oleh Defendan-defendan Kedua dan Ketiga, yang merupakan penandatanganan-penandatanganan tunggal bagi kedua-dua akaun tersebut.

Penggunaan salah dan penyalahgunaan (*misappropriation*) Pinjaman tersebut

20. Bertentangan dengan representasi-representasi Defendan Pertama, Kedua dan Ketiga yang dinyatakan dalam Perenggan 16 di atas, daripada jumlah RM172.2 juta yang dibayar ke dalam Akaun MBB dan Akaun CIMB tersebut, satu jumlah keseluruhan sebanyak RM118,040,076.79 telah disalahgunakan oleh Keluarga Salleh secara langsung atau melalui Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh tersebut bagi tujuan-tujuan yang tidak berkaitan dengan Projek tersebut ("**Jumlah Yang Disalahguna**"). Khususnya:

- (a) Satu jumlah keseluruhan sebanyak RM9,758,140 telah digunakan untuk pembayaran sebahagian bagi 2 kediaman yang dibeli oleh Defendan Keenam;
- (b) Satu jumlah sebanyak RM300,000 telah digunakan untuk membayar Shamsubahrin Ismail bagi tujuan yang tidak didedahkan dalam buku Defendan Pertama; dan
- (c) Satu jumlah keseluruhan sebanyak RM107,981,936.79 telah dipindah kepada Keluarga Salleh dan Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh tersebut antara Julai 2008 dan Disember 2011.

Butir-butir penggunaan Jumlah Yang Disalahguna tersebut oleh Keluarga Salleh secara langsung atau melalui Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh tersebut adalah dinyatakan dalam Perenggan-perenggan 21 hingga 25 di bawah.

21. Antara Julai 2008 dan Ogos 2011, Defendan Pertama telah meremitkan satu jumlah keseluruhan sebanyak RM107,981,936.79 kepada Defendan-defendan Keenam, Ketujuh dan Meatworks (Singapore) Pte Ltd melalui pemindahan antara syarikat (*inter-company transfers*). Khususnya, Defendan Pertama telah meremitkan:

- (a) Satu jumlah bersih sebanyak RM100,393,361.79 kepada Defendan Keenam (selepas pengurangan jumlah-jumlah yang diterima daripada Defendan Keenam). Defendan Keenam kemudiannya memindah:
 - (i) satu jumlah bersih sebanyak RM31.48 juta kepada Defendan Ketujuh; dan
 - (ii) satu jumlah keseluruhan sebanyak RM11,008,846.01 kepada Meatworks (Singapore) Pte Ltd;
- (b) Satu jumlah sebanyak RM7 juta kepada Defendan Ketujuh. Defendan Ketujuh kemudiannya memindah:

- (i) satu jumlah bersih sebanyak RM1.5 juta kepada Defendan Ketiga;
 - (ii) satu jumlah keseluruhan sebanyak RM2,255,921.66 kepada Defendan Kelapan;
 - (iii) satu jumlah keseluruhan sebanyak RM11,138,154.71 kepada Meatworks (Singapore) Pte Ltd;
 - (iv) satu jumlah keseluruhan sebanyak RM18,897,408.87 kepada Global Biofuture Pte Ltd; dan
 - (v) satu jumlah sebanyak RM3,464,300 kepada Farmhouse Supermarkets Pte Ltd.
- (c) Satu jumlah sebanyak RM588,575 kepada Meatworks (Singapore) Pte Ltd.

Penggunaan salah Pinjaman tersebut oleh Keluarga Salleh melalui Defendan Pertama

22. Secara salah dan dalam pelanggaran Perjanjian Kemudahan tersebut, Keluarga Salleh melalui Defendan Pertama telah secara fraud atau secara tidak jujur

menggunakan atau menyebabkan Defendan Pertama untuk menggunakan sebahagian daripada Jumlah Yang Disalahguna tersebut untuk membuat pelbagai pembayaran, termasuk:

- (a) Satu jumlah keseluruhan sebanyak RM9,758,140 kepada Bandar Raya Development Berhad pada 2.12.2009, untuk pembayaran sebahagian 2 unit kediaman dalam satu pembangunan yang dikenali sebagai One Menerung Residence, iaitu Unit No. B1-1 dan B1-2, Jalan Menerung, Bukit Bandaraya, 59100 Kuala Lumpur ("**One Menerung Residences**") yang dibeli oleh Defendan Keenam;

- (b) Setiap bulan satu jumlah sebanyak RM28,000 kepada Defendan Ketiga sejak 1.1.2008, yang kononnya untuk penyewaan sebuah lot pejabat (Unit L-4-01, Solaris Mont Kiara yang dipegang di bawah hakmilik induk HS(D) 110710 PT 22129, Mukim Batu, Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan) yang dimiliki oleh Defendan Ketiga. Sewa yang dibayar oleh Defendan Pertama kepada Defendan Ketiga adalah jauh lebih tinggi daripada ansuran bulanan sebanyak RM4,452 yang dibayar oleh Defendan Ketiga bagi Unit tersebut;

- (c) Setiap bulan satu jumlah sebanyak RM8,240 kepada Defendan-defendan Kedua dan Ketiga, kononnya untuk penyewaan satu lot pejabat (Unit L-4-02, Solaris Mont Kiara yang dipegang di bawah hakmilik induk HS(D) 110710 PT 22129, Mukim Batu, Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan) yang dimiliki oleh Defendan-defendan Kedua dan Ketiga;
- (d) Satu jumlah sebanyak RM300,000 kepada Shamsubahrin Ismail bagi tujuan yang tidak didedahkan dalam buku Defendan Pertama.

Penggunaan salah Pinjaman tersebut oleh Keluarga Salleh melalui Defendan Keenam

23. Secara salah dan dalam pelanggaran Perjanjian Kemudahan tersebut, Keluarga Salleh, melalui Defendan Keenam, secara fraud atau secara tidak jujur telah menggunakan atau menyebabkan Defendan Keenam untuk menggunakan sebahagian daripada Jumlah Yang Disalahguna tersebut untuk membuat pelbagai pembayaran, termasuk:

- (a) Satu jumlah keseluruhan sebanyak RM3,363,507 kepada Putrajaya Homes Sdn Bhd, untuk membeli 2 bidang tanah di Putrajaya yang dikenali sebagai Geran 1120 Lot 4

Presint 10 (PT 1886) dan Geran 1121 Lot 5 Presint 10 (PT 1887);

- (b) Satu jumlah keseluruhan sebanyak RM4,182,060 kepada Tetuan Ghazi & Lim dan Bandar Raya Development Berhad, untuk pembayaran sebahagian bagi One Menerung Residences tersebut;
- (c) Satu jumlah keseluruhan sebanyak RM842,902 kepada Wong Alliance LLP sebagai pemegang kepentingan, untuk pembayaran sebahagian bagi satu unit kondominium (3 Central Boulevard, #11-01, Marina Bay Suites, Singapura 018965) yang dibeli oleh Defendan-defendan Kedua dan Ketiga;
- (d) Satu jumlah sebanyak RM500,000 kepada Shamsubahrin Ismail, bagi tujuan yang tidak didedahkan dalam buku Defendan Keenam;
- (e) Satu jumlah keseluruhan kira-kira RM438,746 kepada pelbagai pihak untuk pengubahsuaian, insurans, taksiran, utiliti-utiliti, lengkapan-lengkapan, caj-caj perkhidmatan, yuran penyelenggaraan dan yuran guaman bagi One Menerung Residences tersebut;

- (f) Satu jumlah sebanyak RM13,000 kepada Defendan Keempat, kononnya sebagai pembayaran pendahuluan kepada ketua pegawai eksekutif;
- (g) Satu jumlah keseluruhan sebanyak RM50,283.86 kepada Wong Alliance LLP bagi pembayaran yuran guaman untuk pembelian 2 unit kondominium (3 Central Boulevard, #08-01, Marina Bay Suites, Singapura 018965 dan 3 Central Boulevard, #11-01, Marina Bay Suites, Singapura 018965) oleh Defendan-defendan Kedua dan Ketiga;
- (h) Satu jumlah sebanyak RM35,232 kepada Impian Global Network Services, untuk perbelanjaan-perbelanjaan perjalanan Defendan Keempat;
- (i) Satu jumlah sebanyak RM40,783.50 kepada Centricpoint Trading & Furnishing, untuk pembayaran sebahagian bagi pengubahsuaian sebuah hartanah yang terletak di No. 7, Jalan Serene Kiara 4, Serene Kiara, 50480 Kuala Lumpur yang dimiliki oleh Keluarga Salleh;
- (j) Satu jumlah sebanyak RM320.50 kepada Kelab Taman Perdana Diraja Kuala Lumpur sebagai pembayaran yuran langganan bagi Defendan Keempat.

Penggunaan salah Pinjaman tersebut oleh Keluarga Salleh melalui Defendan Ketujuh

24. Secara salah dan dalam pelanggaran Perjanjian Kemudahan tersebut, Keluarga Salleh melalui Defendan Ketujuh, secara fraud atau secara tidak jujur menggunakan atau menyebabkan Defendan Ketujuh untuk menggunakan sebahagian daripada Jumlah Yang Disalahguna tersebut untuk membuat pelbagai pembayaran, termasuk:

- (a) Satu jumlah keseluruhan sebanyak RM1,512,000 kepada Tetuan Shahrizat Rashid & Lee, Quick Globe Sdn Bhd dan Tetuan Abd Halim Ushah & Associates, untuk pembayaran sebahagian bagi sebuah lot kedai 4 tingkat (No. 2, Jalan Solaris 5, Solaris Mont Kiara yang dibina di atas tanah yang dipegang di bawah Geran No. 65337, Lot No. 63254, Mukim Batu, Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan) yang dibeli oleh Defendan-defendan Ketiga dan Kelima;
- (b) Satu jumlah keseluruhan sebanyak RM430,624.57 untuk pembayaran duti setem, yuran penilaian, yuran-yuran guaman, bayaran-bayaran faedah, caj-caj insurans dan perbelanjaan-perbelanjaan bagi pembelian lot kedai 4 tingkat yang dinyatakan dalam Perenggan 24(a) di atas oleh Defendan-defendan Ketiga dan Kelima;

- (c) Ansuran-ansuran bulanan berjumlah RM4,441 kepada Public Bank Berhad bermula dari 24.6.2010, untuk membiayai pembelian sebuah unit pejabat (L-4-04, Solaris Mont Kiara, Kuala Lumpur yang dipegang di bawah hakmilik induk HS(D) 110710, PT No. 22129, Mukim Batu, Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan) oleh Defendan-defendan Kedua dan Ketiga;
- (d) Satu jumlah sebanyak RM400 untuk bayaran perkhidmatan pembersihan bagi One Menerung Residences tersebut;
- (e) Satu jumlah sebanyak RM59,017 kepada Foxtons Ltd, satu ejen hartanah, berkenaan dengan pangsapuri yang disewa oleh Defendan Kelima di London;
- (f) Satu jumlah keseluruhan sebanyak RM22,577 bagi perbelanjaan-perbelanjaan kad kredit korporat Defendan Kelima yang merangkumi pembayaran-pembayaran kepada Ikea (RM3,761), Versace KLIA (RM4,470), Dunhill KLCC (RM1,380) dan kepada Defendan Kelapan (RM12,966);

- (g) Satu jumlah sebanyak RM100,000 kepada Defendan Kedua kononnya sebagai pembayaran pendahuluan kepada pengerusi;
- (h) Satu jumlah sebanyak RM69,693 kepada Impian Global Network Services dan satu jumlah keseluruhan sebanyak RM102,026 kepada Mitra Malaysia, untuk perbelanjaan-perbelanjaan perjalanan Keluarga Salleh;
- (i) Satu jumlah sebanyak RM10,694 kepada Kelab Taman Perdana Diraja Kuala Lumpur, untuk pembayaran yuran langganan bagi Defendan Kelima;
- (j) Satu jumlah sebanyak RM1 juta kepada Shamsubahrin Ismail bagi tujuan yang tidak didedahkan dalam buku Defendan Ketujuh.

Penggunaan salah Pinjaman tersebut oleh Keluarga Salleh melalui Defendan Kelapan

25. Secara salah dan dalam pelanggaran Perjanjian Kemudahan tersebut, Keluarga Salleh melalui Defendan Kelapan secara fraud atau secara tidak jujur menggunakan atau menyebabkan Defendan Kelapan untuk menggunakan sebahagian daripada Jumlah Yang Disalahguna tersebut untuk membuat pembayaran bulanan berjumlah RM34,250 kepada Defendan-defendan Ketiga dan Kelima, kononnya sebagai sewa untuk kedai rumah penjuru 4 tingkat yang dinyatakan

dalam Perenggan 24(a) di atas. Pada hakikatnya, tujuan pembayaran bulanan tersebut adalah untuk membiayai ansuran-ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Defendan-defendan Ketiga dan Kelima untuk pembelian hartanah tersebut.

Satu carta aliran yang menunjukkan pemindahan salah dan penggunaan Jumlah Yang Disalahguna tersebut adalah dilampirkan kepada Pernyataan Tuntutan ini dan ditanda sebagai "**Lampiran A**".

Kemungkiran Defendan Pertama dalam pembayaran balik Pinjaman tersebut

26. Menurut terma Perjanjian Kemudahan tersebut yang dinyatakan dalam Perenggan 10(g)(i) di atas, Tempoh Tangguh tersebut telah luput pada 7.1.2011.

27. Defendan Pertama oleh itu adalah dikehendaki untuk membayar balik Pinjaman tersebut dan faeadah ke atas jumlah pinjaman yang digunakan melalui 17 ansuran-ansuran tahunan berjumlah RM17,492,460.20 setiap satu bermula dari 9.1.2012 dan berakhir pada 9.1.2028, menurut jadual pembayaran balik yang dibekalkan oleh Kerajaan Malaysia ("**Jadual Pembayaran Balik**"). Sesalinan Jadual Pembayaran Balik tersebut adalah dilampirkan kepada Pernyataan Tuntutan ini dan ditanda sebagai "**Lampiran B**".

28. Pada atau sekitar 21.12.2011, aset-aset Defendan Pertama telah dibekukan dan ditahan oleh Polis Diraja Malaysia ("**PDRM**") berikutan satu siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan PDRM di bawah Akta

Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

29. Secara salah dan dalam pelanggaran Perjanjian Kemudahan tersebut, Defendan Pertama telah gagal untuk membayar balik ansuran-ansuran tahunan 2012 dan 2013 pada atau sebelum tarikh-tarikh akhir pembayaran masing-masing pada 9.1.2012 dan 9.1.2013.

30. Melalui surat bertarikh 19.3.2013 kepada Kerajaan Malaysia, Defendan Pertama telah bersetuju untuk menggunakan sebahagian daripada wang dalam akaun-akaun Defendan-defendan Pertama, Keenam dan Ketujuh berjumlah RM35,547,554.60 (yang pada masa itu disimpan dalam eskrow dengan Ketua Audit Negara Malaysia) untuk menyelesaikan ansuran-ansuran tertunggak bagi tahun 2012 dan 2013. Akibat itu, Akauntan Negara telah melepaskan jumlah sebanyak RM35,547,554.60 kepada Kementerian Kewangan dan telah menggunakannya untuk menyelesaikan ansuran-ansuran tertunggak bagi tahun 2012 dan 2013.

31. Secara salah dan dalam pelanggaran Perjanjian Kemudahan tersebut, Defendan Pertama sekali lagi telah gagal membayar balik ansuran tahunan 2014 sebelum tarikh akhir pembayaran pada 9.1.2014. Melalui surat-surat bertarikh 26.3.2014 dan 28.4.2014 kepada Defendan Pertama, Kerajaan Malaysia telah menuntut pembayaran ansuran tahunan 2014 yang tertunggak, bersama dengan faedah yang terakru ke atasnya. Walaubagaimanapun, Defendan Pertama telah gagal, enggan dan/atau abai untuk membayar jumlah yang tertunggak tersebut.

Penamatan Perjanjian Kemudahan

32. Melalui surat bertarikh 21.3.2014, Kerajaan Malaysia memaklumkan Defendan Pertama bahawa mereka juga telah melanggar terma-terma Perjanjian Kemudahan tersebut dengan:

- (a) Menggunakan Pinjaman tersebut bertentangan dengan Tujuan Pinjaman tersebut; dan
- (b) Gagal untuk mewujudkan satu gadaian memihak kepada Kerajaan Malaysia ke atas 3 bidang tanah di Gemas, Negeri Sembilan ("**Tanah-Tanah Gemas**") yang dibeli oleh Defendan Pertama dengan menggunakan Pinjaman tersebut.

33. Surat tersebut juga menghendaki Defendan Pertama untuk meremedikan pelanggaran-pelanggaran tersebut dalam tempoh 90 hari, dan jikalau tidak Kerajaan Malaysia akan melaksanakan hak mereka untuk membatalkan Pinjaman tersebut dan menuntut pembayaran balik keseluruhan jumlah yang tertunggak dan perlu dibayar di bawah Pinjaman tersebut.

34. Defendan Pertama telah gagal untuk meremedikan pelanggaran-pelanggaran tersebut. Melalui surat bertarikh 4.9.2014 kepada Defendan Pertama, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan satu peristiwa keingkaran di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut, membatalkan Pinjaman tersebut dan menuntut

pembayaran balik jumlah keseluruhan yang terhutang dan perlu dibayar oleh Defendan Pertama di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut.

35. Dalam pelanggaran Perjanjian Kemudahan dan Surat Ikatan Penyerahhakan tersebut, Defendan Pertama juga telah gagal untuk membekalkan Kerajaan Malaysia penyata-penyata kewangan suku tahunan dan penyata-penyata pelaburan, Laporan Kemajuan Projek suku tahunan, akaun-akaun beraudit tahunan, pelan perniagaan 5 tahun dan tahunannya.

36. Maka, disebabkan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Perenggan-perenggan 16 hingga 35 di atas, Defendan Pertama telah melanggar terma-terma Perjanjian Kemudahan dan Surat Ikatan Penyerahhakan tersebut.

37. Setakat 30.4.2019, jumlah yang terhutang dan perlu dibayar oleh Defendan Pertama kepada Kerajaan Malaysia di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut adalah sebanyak RM253,618,455.03, bersama dengan faedah yang terakru ke atasnya pada kadar 2% setahun atas kiraan harian dari 1.5.2019 sehingga tarikh penyelesaian penuh, dan faedah ingkar ke atas jumlah sebanyak RM224,765,230.40 dari 1.5.2019 sehingga tarikh penyelesaian penuh.

C. KONSPIRASI UNTUK MENIPU

38. Selanjutnya atau secara alternatif, Kerajaan Malaysia mengulangi Perenggan-perenggan 16 hingga 25 di atas, dan menegaskan bahawa Keluarga Salleh, melalui atau bersama dengan Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh tersebut atau

dua atau lebih daripada dua antara mereka, dengan niat untuk menipu dan mencederakan Kerajaan Malaysia, berkonspirasi dan bersuhabat untuk menipu Kerajaan Malaysia dengan cara-cara yang salah di sisi undang-undang atau untuk tujuan-tujuan yang salah di sisi undang-undang, dengan:

- (a) Secara tidak jujur atau secara fraud merepresentasi kepada Kerajaan Malaysia bahawa pengeluaran Jumlah Yang Disalahguna tersebut adalah bagi Tujuan Pinjaman tersebut dengan pengetahuan bahawa ini adalah tidak benar dan dengan pengetahuan bahawa tujuan sebenarnya adalah untuk menggunakan Jumlah Yang Disalahguna tersebut untuk manfaat diri mereka sendiri;
- (b) Secara tidak jujur atau secara fraud memindah Jumlah Yang Disalahguna tersebut daripada Akaun MBB dan Akaun CIMB tersebut kepada diri mereka sendiri dan Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh tersebut walaupun mengetahui bahawa di bawah terma-terma Perjanjian Kemudahan tersebut Pinjaman tersebut hanya boleh digunakan bagi Tujuan Pinjaman tersebut;
- (c) Secara tidak jujur atau secara fraud menyembunyikan penyalahgunaan Pinjaman tersebut dengan antara lain gagal mendedahkan kepada Kerajaan Malaysia kepentingan-kepentingan mereka dalam Syarikat-Syarikat

Keluarga Salleh tersebut dan pemindahan Jumlah Yang Disalahguna tersebut kepada Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh dan diri mereka sendiri.

(“Konspirasi”)

39. Menurut kepada dan dalam pelaksanaan Konspirasi yang dihidkan dalam Perenggan 38 di atas, Keluarga Salleh telah melaksanakan atau mengambil bahagian dalam satu siri tindakan yang salah untuk menipu atau mencederakan Kerajaan Malaysia:

- (a) Antara 24.1.2008 dan 3.1.2011, Defendan-defendan Kedua dan Ketiga, sebagai Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Defendan Pertama masing-masing, telah menyebabkan Defendan Pertama untuk mengeluarkan surat-surat yang dirujuk dalam Perenggan 16 di atas kepada Kerajaan Malaysia untuk memohon kebenaran untuk mengeluarkan Pinjaman tersebut daripada APK tersebut. Dalam surat-surat tersebut, Defendan-defendan Pertama, Kedua dan Ketiga telah merepresentasikan bahawa tujuan pengeluaran-pengeluaran yang dirujuk dalam Perenggan 17 adalah untuk membiayai kos-kos untuk melaksanakan Projek tersebut.

- (b) Dalam niat baik dan bergantung kepada kebenaran representasi-representasi Defendan-defendan Pertama, Kedua dan Ketiga dalam surat-surat yang dirujuk dalam Perenggan 16, Kerajaan Malaysia telah meluluskan pengeluaran sebanyak RM180.5 juta dan pembayaran sebanyak RM172.2 juta ke dalam Akaun MBB dan Akaun CIMB tersebut yang dipegang oleh Defendan Pertama.
- (c) Walaubagaimanapun, antara Julai 2008 dan Ogos 2011, Defendan-defendan Kedua dan Ketiga sebagai penandatanganan-penandatanganan tunggal Akaun MBB dan Akaun CIMB tersebut, telah secara salah membayar satu jumlah keseluruhan sebanyak RM10,058,140 daripada Akaun MBB dan Akaun CIMB tersebut dan memindah satu jumlah sebanyak RM107,981,936.79 kepada Keluarga Salleh dan Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh bagi tujuan-tujuan yang tidak berkaitan dengan Projek tersebut dalam pelanggaran Tujuan Pinjaman tersebut, seperti yang dibuktikan dalam Perenggan-perenggan 20 hingga 25 di atas.
- (d) Pada setiap masa material, Keluarga Salleh, sebagai pengarah-pengarah Defendan Pertama, adalah sedar sepenuhnya bahawa Pinjaman tersebut sepatutnya hanya boleh digunakan bagi Tujuan Pinjaman tersebut, dan

bukan dalam cara yang dinyatakan dalam Perenggan-perenggan 20 hingga 25 di atas. Dalam menyebabkan Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh untuk menggunakan Jumlah Yang Disalahguna tersebut dalam cara yang diplidkan dalam Perenggan-perenggan 20 hingga 25 di atas, Keluarga Salleh telah bertindak secara fraud atau secara tidak jujur dengan niat untuk menyalahguna Pinjaman tersebut untuk manfaat diri mereka sendiri.

- (e) Pada setiap masa material, Keluarga Salleh gagal mendedahkan kepada Kerajaan Malaysia kepentingan-kepentingan mereka dalam Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh tersebut, penyalahgunaan Pinjaman tersebut, pemindahan Jumlah Yang Disalahguna tersebut kepada Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh dan diri mereka sendiri, dan penggunaan Pinjaman tersebut untuk manfaat diri mereka sendiri.

40. Akibat daripada perkara-perkara yang diplidkan dalam Perenggan-perenggan 38 dan 39 di atas, Jumlah Yang Disalahguna tersebut telah secara salah dikeluarkan daripada APK tersebut. Sekiranya Keluarga Salleh tidak melakukan tindakan-tindakan yang dinyatakan dalam Perenggan-perenggan 38 dan 39 di atas:

- (a) Kerajaan Malaysia tidak akan meluluskan pengeluaran-pengeluaran dan bayaran sebanyak RM172.2 juta ke

dalam Akaun MBB dan Akaun CIMB tersebut yang dirujuk dalam Perenggan-perenggan 17 dan 18 di atas;

- (b) Defendan Pertama akan mempunyai dana yang mencukupi untuk melaksanakan Projek tersebut dan kemampuan untuk membayar balik Pinjaman tersebut;
- (c) Kerajaan Malaysia tidak akan menanggung kerugian dan kerosakan setakat mana ia kini menanggung. Jumlah Yang Disalahguna tersebut akan berada dalam APK tersebut dan boleh digunakan untuk menyelesaikan Pinjaman tersebut.

41. Dalam premis-premis tersebut, Kerajaan Malaysia telah menanggung kerugian dan kerosakan. Khususnya:

- (a) Jumlah sebanyak RM253,618,455.03, iaitu jumlah yang terhutang dan perlu dibayar oleh Defendan Pertama di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut setakat 30.4.2019, bersama dengan faedah yang terakru ke atasnya pada kadar 2% setahun atas kiraan harian dari 1.5.2019 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan faedah ingkar ke atas jumlah sebanyak RM224,765,230.40 dari 1.5.2019 sehingga tarikh penyelesaian penuh;

- (b) Secara alternatif, jumlah sebanyak RM118,040,076.79
iaitu Jumlah Yang Disalahguna tersebut.

42. Disebabkan Konspirasi yang dihidkan dalam Perenggan-perenggan 38 dan 39 di atas, Keluarga Salleh and Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh tersebut adalah:

- (a) Secara bersama dan berasingan bertanggung kepada Kerajaan Malaysia dalam ganti rugi untuk konspirasi;
- (b) Setiap satu bertanggung untuk memegang Jumlah Yang Disalahguna tersebut yang diterima oleh mereka atas amanah konstruktif bagi Kerajaan Malaysia dan bertanggungjawab kepada Kerajaan Malaysia untuk Jumlah Yang Disalahguna tersebut;
- (c) Setiap satu bertanggung untuk memegang kesemua jumlah atau hartanah yang diterima atau diperolehi oleh mereka secara fraud terhadap Kerajaan Malaysia sebagai pemegang amanah konstruktif bagi Kerajaan Malaysia.

D. PERDAGANGAN SECARA FRAUD

43. Selanjutnya atau secara alternatif, Kerajaan Malaysia menegaskan bahawa disebabkan perkara-perkara yang dihidkan dalam Perenggan-perenggan 15 hingga 39 di atas, Keluarga Salleh telah dengan diketahui menjadi pihak kepada penjalanan perniagaan Defendan Pertama dengan niat untuk menipu Kerajaan Malaysia, sebagai pemiutang Defendan Pertama, dan bagi maksud-maksud fraud:

- (a) Pada setiap masa material, Keluarga Salleh adalah pengarah-pengarah Defendan Pertama dan memegang jawatan-jawatan pengurusan kanan dalam Defendan Pertama. Defendan Pertama adalah sebuah subsidiari milikan penuh Defendan Kesembilan yang dimiliki oleh Defendan-Defendan Kedua dan Ketiga. Kerajaan Malaysia akan menegaskan bahawa bagi semua niat dan tujuan, Keluarga Salleh adalah pihak yang mengawal (*directing mind*) atau *alter ego* Defendan Pertama.
- (b) Dalam memberikuasa atau menyebabkan Defendan Pertama untuk menggunakan atau memindah Jumlah Yang Disalahguna tersebut dalam cara yang dihidkan dalam Perenggan-perenggan 20 hingga 25 di atas, Keluarga Salleh dalam pelanggaran kewajipan-kewajipan mereka kepada Defendan Pertama, dengan pengetahuan menjalankan perniagaan Defendan Pertama dengan niat

untuk menipu Kerajaan Malaysia dengan menyalahguna Jumlah Yang Disalahguna tersebut bagi manfaat diri mereka sendiri. Dalam berbuat demikian, Keluarga Salleh mengetahui bahawa Defendan Pertama dan Kerajaan Malaysia akan menanggung kerugian dan kerosakan.

44. Oleh itu, Keluarga Salleh patut bertanggung secara peribadi terhadap kesemua hutang yang terhutang dan perlu dibayar oleh Defendan Pertama kepada Kerajaan Malaysia di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut dalam jumlah yang dinyatakan dalam Perenggan 37 di atas, menurut Seksyen 304 Akta Syarikat 1965.

E. PELANGGARAN AMANAH BERUNSUR FRAUD

45. Selanjutnya atau secara alternatif, Kerajaan Malaysia mengulangi Perenggan-perenggan 9 hingga 15 di atas dan menegaskan bahawa pada setiap masa material, wang dalam APK tersebut adalah dipegang atas amanah oleh Defendan Pertama untuk digunakan secara khususnya bagi Tujuan Pinjaman tersebut.

46. Dalam pelanggaran amanah, Defendan Pertama telah secara fraud atau secara salah menggunakan dan memindah Jumlah Yang Disalahguna tersebut kepada Keluarga Salleh dan Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh bagi tujuan-tujuan yang tidak berkaitan dengan Projek tersebut seperti yang dibutirkan dalam Perenggan-perenggan 20 hingga 25 di atas.

47. Akibat pelanggaran amanah berunsur fraud oleh Defendan Pertama yang dinyatakan dalam Perenggan 46 di atas, Kerajaan Malaysia telah menanggung kerugian dan kerosakan dalam jumlah sebanyak RM118,040,076.79, iaitu Jumlah Yang Disalahguna tersebut.

48. Selanjutnya, Kerajaan Malaysia menegaskan bahawa disebabkan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Perenggan-perenggan 4 hingga 8, 15 hingga 25, 38 dan 39 di atas, tabir korporat (*corporate veil*) Defendan Pertama patut disingkap dan Keluarga Salleh patut bertanggung bagi pelanggaran amanah berunsur fraud.

49. Dalam keadaan-keadaan ini, Defendan Pertama dan Keluarga Salleh adalah bertanggungjawab kepada Kerajaan Malaysia untuk jumlah sebanyak RM118,040,076.79 bagi pelanggaran amanah berunsur fraud. Selanjutnya atau secara alternatif, Kerajaan Malaysia adalah berhak untuk mengikut and mengesan jumlah sebanyak RM118,040,076.79 tersebut kepada Keluarga Salleh dan Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh tersebut dan menuntut hakmilik ekuiti terhadap hartanah-hartanah yang dinyatakan dalam Perenggan-perenggan 22 hingga 25 di atas dan mana-mana hartanah yang lain yang diperolehi oleh Keluarga Salleh atau Syarikat-Syarikat Keluarga Salleh tersebut dengan menggunakan Jumlah Yang Disalahguna tersebut.

F. RELIF

Maka, Plaintiff memohon penghakiman seperti berikut:

(A) Terhadap Defendan Pertama:

- (1) Jumlah sebanyak RM253,618,455.03, bersama dengan faedah yang terakru ke atasnya pada kadar 2% setahun atas kiraan harian dari 1.5.2019 hingga tarikh penyelesaian penuh dan faedah ingkar atas jumlah sebanyak RM224,765,230.40 dari 1.5.2019 sehingga tarikh penyelesaian penuh, yang mewakili wang-wang Pinjaman tersebut yang dipinjam oleh Defendan Pertama.

- (2) Satu Deklarasi bahawa Pinjaman berjumlah RM250,000,000 yang dibayar oleh Plaintiff ke dalam Akaun Pinjaman Khas tersebut adalah dipegang atas amanah oleh Defendan Pertama untuk digunakan secara khususnya bagi Tujuan Pinjaman tersebut *dan* Defendan Pertama adalah bertanggungjawab kepada Plaintiff untuk jumlah sebanyak RM118,040,076.79 (atau mana-mana jumlah lain yang ditaksirkan oleh Mahkamah yang Mulia ini) bagi pelanggaran amanah berunsur fraud.

(B) Terhadap Defendan-defendan Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima:

- (1) Satu Deklarasi bahawa Defendan-defendan Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima adalah bertanggung secara peribadi untuk jumlah sebanyak RM253,618,455.03, yang mewakili hutang yang terhutang dan perlu dibayar oleh Defendan Pertama kepada Plaintiff di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut setakat 30.4.2019, bersama dengan faedah yang terakru ke atasnya pada kadar 2% setahun dikira atas kiraan harian dari 1.5.2019 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan faedah ingkar atas jumlah sebanyak RM224,765,230.40 dari 1.5.2019 sehingga tarikh penyelesaian penuh, menurut Seksyen 304 Akta Syarikat 1965;
- (2) Satu Perintah bahawa Defendan-defendan Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima dengan serta merta membayar kepada Plaintiff jumlah sebanyak RM253,618,455.03, yang mewakili hutang yang terhutang dan perlu dibayar oleh Defendan

Pertama kepada Plaintiff di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut setakat 30.4.2019, bersama dengan faedah yang terakru ke atasnya pada kadar 2% setahun dikira atas kiraan harian dari 1.5.2019 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan faedah ingkar atas jumlah sebanyak RM224,765,230.40 dari 1.5.2019 sehingga tarikh penyelesaian penuh;

- (3) Satu Deklarasi bahawa Defendan-defendan Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima setiap satu memegang Jumlah Yang Disalahguna tersebut dan semua jumlah atau hartanah yang diterima atau diperolehi oleh mereka secara fraud terhadap Plaintiff atas amanah konstruktif untuk Plaintiff dan bertanggungjawab kepada Plaintiff untuk yang sama;
- (4) Satu Deklarasi bahawa Defendan-defendan Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima adalah setiap satu bertanggungjawab untuk pelanggaran amanah berunsur fraud dan bertanggungjawab kepada Plaintiff untuk Jumlah Yang Disalahguna tersebut sebanyak RM118,040,076.79 (atau mana-mana jumlah lain yang ditaksirkan oleh Mahkamah yang Mulia ini) dan kesemua keuntungan rahsia yang

diperolehi oleh mereka daripada penyalahgunaan Pinjaman tersebut;

- (5) Satu Perintah bahawa Defendan-defendan Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima membayar Jumlah Yang Disalahguna tersebut sebanyak RM118,040,076.79 (atau mana-mana jumlah lain yang ditaksirkan oleh Mahkamah yang Mulia ini) kepada Plaintiff atau secara alternatif, Plaintiff diberi hak untuk mengikut dan mengesan Jumlah Yang Disalahguna tersebut berjumlah RM118,040,076.79 (atau mana-mana jumlah lain yang ditaksirkan oleh Mahkamah yang Mulia ini) *dan* menuntut hakmilik ekuiti terhadap hartanah-hartanah yang dihidkan dalam Perenggan-perenggan 22 hingga 25 di atas and mana-mana hartanah lain yang diperolehi oleh Defendan-defendan Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima dengan menggunakan Jumlah Yang Disalahguna tersebut;

(C) Terhadap Defendan Keenam hingga Kesebelas:

- (1) Satu Deklarasi bahawa Plaintiff adalah berhak untuk mengikut dan mengesan Jumlah Yang Disalahguna tersebut berjumlah RM118,040,076.79 kepada Defendan-defendan Keenam hingga Kesebelas *dan* menuntut hakmilik ekuiti terhadap hartanah-hartanah yang dihidkan dalam Perenggan-perenggan 22 hingga 25 di atas dan mana-mana hartanah lain yang diperolehi oleh Defendan-defendan Keenam hingga Kesebelas dengan menggunakan Jumlah Yang Disalahguna tersebut; dan
- (2) Satu Perintah bahawa Defendan-defendan Keenam hingga Kesebelas memegang hartanah-hartanah tersebut atas amanah konstruktif untuk Plaintiff.

(D) Terhadap kesemua Defendan-Defendan:

- (1) Ganti rugi am untuk ditaksir;
- (2) Ganti rugi teladan;

- (3) Kos;
- (4) Relif-relif lanjut atau lain yang Mahkamah yang Mulia ini berpendapat patut dan sesuai.

Bertarikh 31 haribulan Mei 2019




Peguan Kanan Persekutuan
untuk dan bagi pihak Plaintif

Pernyataan Tuntutan ini difailkan oleh Peguan Kanan Persekutuan untuk dan bagi pihak Plaintif yang beralamat penyampaian di Jabatan Peguan Negara, Bahagian Guaman, No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 PUTRAJAYA.

[Ruj: PN/WKL/HQ/26/56/2014]

Wrongful transfer and use of Misappropriated Sum

Salleh Family Companies



JADUAL BAYARAN BALIK PINJAMAN
JADUAL 1

No. Pinjaman : 3980 2007 004

Bil Ansuran	Tarikh Bayaran Balik	Amaun Anuiti	Amaun yang Berkaitan dengan Faedah	Pokok	Baki Pokok Yang Mesti Dijelaskan Selepas Bayaran Anuiti
					250,000,000.00
1.00	09.01.2012	17,492,460.20	5,000,000.00	12,492,460.20	237,507,539.80
2.00	09.01.2013	17,492,460.20	4,750,150.80	12,742,309.40	224,765,230.40
3.00	09.01.2014	17,492,460.20	4,495,304.61	12,997,155.59	211,768,074.81
4.00	09.01.2015	17,492,460.20	4,235,361.50	13,257,098.70	198,510,976.11
